

SOALAN NO: 14

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD

TARIKH: 29 OKTOBER 2015

SOALAN:

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [ Kota Raja ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah jumlah kes di mana majikan tidak mematuhi perintah mahkamah (seperti tidak membayar pampasan kepada pekerja ) dan apakah tindakan Kementerian terhadap majikan-majikan tersebut untuk jangkamasa 10 tahun yang lalu.

PR-1333- L71449

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) telah merekodkan sebanyak **2,880** kes majikan-majikan yang tidak mematuhi perintah Mahkamah Buruh sepanjang tempoh 10 tahun bermula pada 2005 sehingga 2014.

2. Sepanjang tempoh ini, pihak JTKSM telah melaksanakan pelbagai tindakan penguatkuasaan bagi menyelesaikan kes-kes majikan tidak mematuhi perintah Mahkamah Buruh. Tindakan penguatkuasaan ini dilaksanakan samada melalui pendakwaan atau tindakan penguatkuasaan untuk menguatkuasa perintah. Sebanyak **1,541** kes pendakwaan ke atas majikan yang gagal mematuhi perintah Mahkamah Buruh telah dijalankan bagi tahun 2005 sehingga 2014.

3. Dalam masa yang sama sebanyak **986 kes** tindakan penguatkuasaan Perintah Mahkamah Buruh telah dilaksanakan oleh JTKSM di Mahkamah sivil. Tindakan yang diambil adalah melalui Saman Penghutang Penghakiman (*Judgment Debtor Summons*) sebanyak 952 kes, Writ Penyitaan Dan Penjualan (*Writ Seizure and Sale*) sebanyak 25 kes, Notis Penghakiman (*Judgement Notice*) sebanyak 7 Kes dan tindakan Tuntutan Keutamaan Di Bawah Seksyen 31 Akta Kerja 1955 sebanyak 2 kes.

4. Pihak penuntut (pengadu) juga boleh melaksanakan sendiri tindakan menguatkuasakan Perintah Mahkamah Buruh di Mahkamah sivil melalui peguam yang dilantik. JTKSM telah merekodkan sebanyak **339** kes penguatkuasaan Perintah yang diuruskan oleh penuntut sendiri sepanjang tempoh berkenaan. Bagi kes-kes yang melibatkan syarikat telah mufliis atau digulung, penuntut hendaklah mengambil tindakan sendiri melalui Jabatan Insolvensi. Terdapat 14 kes direkodkan oleh JTKSM bagi tempoh 2005 hingga 2014.